

BULETIN

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR



BULETIN BIL.2-2017
<http://ptg.selangor.gov.my>

**PERKHIDMATAN CEMERLANG
KUALITI DIUTAMAKAN**



SENARAI JAWATANKUASA EDITORIAL

BULETIN PTGS

PENAUNG:

DATO' AHMAD SUAUDI BIN ABDUL RAHIM
DATO' HAJI ZUL-KEFLI @ ZULKEFLI BIN KHALID

KETUA EDITOR:

AZLINAWATY BINTI AHMAD BAHAR

EDITOR:

MUHAMMAD AMIRUL HAKIMI BIN AZMAN
MOHAMAD HASRUL BIN MOHAMAD JUMARI

SIDANG EDITORIAL / WAKIL BAHAGIAN:

SITI ZALEKHA BINTI MOHD JAILANI
NOORAIIDAH BINTI YAHYA
NIK AZIRA BINTI MOHD ZIN
MOHD NAZRUL BIN NGAIMIN
HAFIZA BINTI MOHAMMED AWAM
JIHAN MUSFIRAH BINTI MUSA
WAN AINE NOOR AZUREEN BINTI MD NASIR
KHAIRUL AZHAR BIN ABDUL SAMAD
AZIZ BIN HAIRON
NAUFAL BIN EBRAHIM@IBRAHIM
NURLIANA AQILAH BINTI YUNUS
MOHAMAD NAQUIDDIN BIN MOHAMAD ZAINAL
RABIATUL ADAWIAH BINTI MASTOR
ROHAYU BINTI SUHAIMI
SAFIZAN BIN SHAHKARDA
MOHD JEFFRY OMAR
UMI AMIRAH BINTI HASSAN

PENYELARAS / FOTOGRAFI:

MUHAMMAD AMIRUL HAKIMI BIN AZMAN

ISI KANDUNGAN

UTAMA

03 DASAR PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN INFRASTRUKTUR AWAM DI NEGERI SELANGOR

05 Awas! Pencerobohan Tanah Kerajaan!

PERISTIWA

06 Lawatan Audit Pengurusan & Pentadbiran Tanah Daerah Hulu Langat

07 Hari Keluarga PTGS

08 Sanjungan Budi, Kilauan Bakti

09 Hari Bertemu Pelanggan PTGS

11 Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM)

12 SAMBUTAN KEMERDEKAAN SELANGOR YANG KE-60 DIRAI DENGAN MERIAH

13 Perjumpaan Pengarah PTGS Bersama Penghantar Notis

14 PERHIMPUNAN BULANAN 3/2017 DAN AIDILFITRI PTGS 2017

15 Sesi 60 Minit Pengarah Bersama Warga kerja PTGS 2.0

16 Lawatan Tapak Sabak Bernam

17 Kawad Hormat Penguatkuasa

18 OPS BERSEPADU

BENGKEL / KURSUS

20 Bengkel Dasar Pembangunan Berorientasikan Transit Transit Oriented Development (TOD)

21 Bengkel Perbincangan dan Pindaan Kaedah Tanah Selangor

LAWATAN

22 Lawatan Jabatan Tanah & Survei Sarawak

KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN PTGS

23 Majlis Penutupan SUKAN PETANDA

25 Kejohanan Sukan Pengarah Tanah dan Galian Se-Malaysia (SUKAP) Kali Pertama Tahun 2017

PERKAHWINAN DAN KELAHIRAN

27 Perkahwinan & Kelahiran



DASAR PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN INFRASTRUKTUR AWAM DI NEGERI SELANGOR

Pembangunan berorientasikan transit merupakan konsep pembangunan yang diperkenalkan di Malaysia dengan pembangunan rel (MRT, LRT, komuter) dan ditambah baik dengan pembangunan seperti hak komuniti (kediaman, SOHO, SOVO, dan pelbagai), komersial dan rekreasi.

Pembangunan di Negeri Selangor telah mengalami evolusi di mana permintaan bagi pembangunan saban tahun semakin meningkat terutama dengan keluasan tanah yang terhad dan kepadatan penduduk yang tinggi. Justeru, pada masa kini konsep pembangunan Transit Oriented Development (TOD) semakin popular di negara ini. Dijangkakan pemaju hartanah akan membangunkan tanah bagi tujuan pelbagai guna untuk memaksimumkan penggunaan tanah berdasarkan keluasan tanah yang terhad.

ISU DAN PERMASALAHAN

Dari aspek perundangan, tanah hak milik yang diperuntukkan untuk tujuan awam perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk diwartakan sebagai Rizab Awam. Selain daripada kaedah serahan tanah, Kerajaan Negeri juga boleh menggunakan kaedah pengambilan tanah melalui Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah hak milik yang diperlukan bagi apa-apa maksud awam.

Namun disebabkan keluasan tanah semakin terhad untuk pembangunan dan nilai pasaran hartanah semakin tinggi, kaedah Penyerahan Tanah dan Pengambilan Tanah Untuk Tujuan Awam tidak lagi menjadi kaedah yang terbaik untuk dilaksanakan.

Peningkatan harga jualan hartanah telah menyebabkan pemilik tanah enggan menyerahkan tanah mereka untuk tujuan awam. Manakala Kerajaan

Negeri pula perlu membayar pampasan yang tinggi sekiranya melaksanakan kaedah pengambilan tanah.

Selain itu, penyerahan tanah untuk Rizab Awam juga tidak hanya berlaku pada pembangunan bertanah ("landed"), malahan rizab awam juga perlu disediakan pada pembangunan berstrata. Walau bagaimanapun sehingga kini tiada peruntukan undang-undang berkaitan perizaban untuk maksud awam dalam pembangunan berstrata.

KONSEP DASAR PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN INFRASTRUKTUR AWAM

Bagi menangani isu dan permasalahan di atas, dasar baharu yang dikenali sebagai Dasar Pembangunan Berorientasikan Infrastruktur Awam di Negeri Selangor telah diperkenalkan.

Melalui pelaksanaan dasar baharu ini.

- pembangunan adalah berdasarkan konsep kewujudan bersama ("Co-Exist") di antara pihak pemilik berdaftar tanah yang akan membangunkan komponen kediaman dan perniagaan, dan komponen infrastruktur awam yang akan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dalam satu blok pembangunan yang sama; dan
- penyediaan tapak untuk tujuan awam tidak hanya dengan kaedah serahan sebahagian tanah melalui pemakaian seksyen 200 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 atau serahan keseluruhan tanah di bawah seksyen 197 KTN. Sebaliknya tapak untuk tujuan awam boleh disediakan melalui serahan hak kepada Kerajaan Negeri dengan pengenaan Syarat Nyata Tanah iaitu

dengan menyatakan secara tersurat bahawa tanah yang diberimilik mengandungi bahagian yang diserahkan hak untuk tujuan awam.

Peruntukan undang-undang di bawah adalah dirujuk, iaitu seksyen 120 KTN yang memperuntukkan berikut -

"120. Imposition of express conditions and restrictions in interest on alienation under this Act

1. *Subject to the provisions of this section, the State Authority may alienate land under this Act subject to such express conditions and restrictions in interest conformable to law as it may think fit.*
2. *The conditions and restrictions in interest to be imposed under this section in the case of any land shall be determined by the State Authority at the time when the land is approved for alienation.*
3. *Every condition or restriction in interest imposed under this section shall be endorsed on or referred to in the document of title to the land; and in complying with this sub-section the State Authority shall, in any case where it imposes both conditions and restrictions in interest, distinguish between the two.*
4. *No condition shall be imposed under this section which is inconsistent with any implied condition to which the land becomes subject on alienation by virtue of section 114."*

Seksyen 113 KTN yang memperuntukkan -

"113. Manner in which changes may be effected

The conditions and restrictions in interest applicable to any alienated land shall, after becoming fixed by the operation of any of the preceding provisions of this Chapter, be subject to all such changes as may result from-

- (a) *the granting of any application by the proprietor under sub-section (1) of section 124, or*
- (b) *The carrying into effect of any direction given by the State Authority under sub-section (3) of section 147 on sanctioning the amalgamation of the land with other land."*

Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas, adalah jelas bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui kelulusan pemberimilikan atau kelulusan perubahan Syarat Nyata Tanah, mempunyai kuasa untuk mengenakan Syarat Nyata Tanah secara tersurat yang menyatakan tanah yang diberimilik mengandungi bahagian yang diserahkan hak bagi tujuan awam.

Justeru, PTGS telah mengeluarkan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 1/2017: Dasar Pembangunan Berorientasikan Infrastruktur Awam Di Negeri Selangor untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri berhubung dasar ini yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 31/2017 yang diadakan pada 20 September 2017 yang telah disahkan oleh MMKN ke 32/2017 pada 4 Oktober 2017.

Pekeliling ini boleh dimuat turun di Lawan di Laman Web PTGS <http://ptg.selangor.gov.my>





TANAH MILIK KERAJAAN

MANA-MANA ORANG YANG, TANPA KEBENARAN YANG, SAH MEMCEROBOH TANAH KERAJAAN AKAN DI DAKWA DIBAWAH SEKSYEN 425 (1) (a),(b)&(c) KANUN TANAH NEGARA 1965 DAN BOLEH JIKA DISABITKAN KESALAHAN DIBENAKAN DENDA YANG TIDAK MELEBIHI RM10,000 ATAU DIPENJARAKAN TIDAK LEBIH SETAHUN ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI

PROJEK : CADANGAN KERJA-KERJA PEMASANG BARB WIRE PARIT TANAH, PINTU PAGAR UTAMA DAN PAPAN TANDA DI SEBAHAGIAN TANAH NEGERI SELANGOR, (SH/PTGS/15/2014)
LOKASI : TASIK PUTERI, MUKIM RAWANG, GOMBAK SELANGOR
KONTRAKTOR : SPEED ORACLE SDN BHD
UNTUK : KERAJAAN NEGERI SELANGOR
TARIKH MULA KERJA : 13 hb Oktober 2014
TARIKH SIAP KERJA :

AWAS!

PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN!

Tindakan penguatkuasaan

Kerajaan Negeri memandang serius terhadap aktiviti pencerobohan tanah kerajaan. Pihak PTGS sentiasa berusaha untuk memastikan segala Pekeliling/ Arahan/Peraturan/Prosedur yang berkaitan dengan Kanun Tanah Negara diikuti dan dipatuhi dengan membuat kawalan mengenai kegiatan pengeluaran bahan batuan secara tidak sah atau pencerobohan Tanah Kerajaan. Sebarang jenis pencerobohan yang dilakukan ke atas tanah kerajaan akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN). Antara usaha Kerajaan Negeri bagi menyekat pencerobohan ke atas Tanah Kerajaan adalah dengan mendirikan papan tanda tanah kerajaan dan membina pagar di atas tanah tersebut. Sehingga Oktober 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sekitar RM 100,000.00 bagi mendirikan pagar di dua kawasan tanah kerajaan. Sekiranya berlaku sebarang pencerobohan di atas tanah kerajaan, Pentadbir Tanah akan mengeluarkan notis 425 KTN. Tindakan penguatkuasaan seperti perobohan akan dilaksanakan terhadap penceroboh yang masih ingkar.

Bagi pencerobohan di atas tanah persendirian adalah menjadi tanggungjawab pemilik tanah untuk menjaga tanah-tanah yang telah diberimilik kepada mereka.

Enakmen baharu bagi Pencerobohan Tanah Kerajaan

Kanun Tanah Negara (KTN) telah dipinda pada tahun 2016 di bawah Akta A1516 dan digunapakai bermula Januari 2017 yang mana denda ke atas penceroboh tanah kerajaan telah dinaikkan daripada RM10,000.00 kepada RM500,000.00 serta penjara juga telah dipanjangkan tempoh daripada dua (2) tahun kepada lima (5) tahun. Manakala, tiada peruntukan undang-undang yang diperuntukkan bagi tanah persendirian. Mengikut Seksyen 44 (1) (a) KTN, pemilik tanah mempunyai hak eksklusif ke atas tanahnya. Justeru itu, pemilik tanah hendaklah menjaga tanah yang diberimilik daripada sebarang pencerobohan.





Lawatan Audit Pengurusan & Pentadbiran Tanah Daerah Hulu Langat

Perlaksanaan pengauditan dalam hal ehwal pengauditan dan pengurusan tanah yang berkaitan aktiviti Lesen Pendudukan Sementara (LPS) diteruskan lagi ke Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat pada 12 hingga 14 September 2017.

Lawatan audit ini telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan wakil daripada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat.

Tumpuan skop pengauditan adalah berfokus pada pematuhan proses permohonan LPS berdasarkan Manual Prosedur Kerja yang ditetapkan dan Dasar/Arahan yang sedang berkuatkuasa.

Pemakaian dan pematuhan kepada garis panduan melalui Prosedur Operasi Standard turut disemak bagi tujuan pengemaskinian dan penyeragaman



prosedur ke atas pelaksanaan pengurusan. Pada lawatan ini, cadangan serta syor penyelesaian telah dibentangkan bagi tujuan penambahbaikan.

Laporan auditan telah dipanjangkan pada Pegawai Daerah dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk makluman.

Hasil kerjasama yang erat daripada Pejabat Daerah sentiasa diteruskan supaya ia dapat dijadikan sebagai pemudah cara untuk menangani isu-isu yang berbangkit. Pendedahan maklumat dan ilmu mengenai proses pengurusan permohonan LPS dapat di kongsi bersama bagi memastikan fail-fail permohonan diproses mengikut prosedur yang ditetapkan dalam keadaan yang seragam.





Hari Keluarga PTGS

Sambutan hari keluarga Pejabat Tanah dan Galian Selangor anjuran Kelab Kebajikan dan Sukan PTGS (Kelab PTGS) dengan kerjasama Bahagian-bahagian di PTGS telah diadakan pada 11 & 12 November 2017 di Bayou Lagoon Park Resort, Melaka. Ia merupakan aktiviti dan acara keluarga yang bertujuan untuk merapatkan hubungan kekeluargaan serta mewujudkan semangat kerja berpasukan antara warga kerja PTGS. Pada masa yang sama, ia juga diadakan untuk menghargai segala kerja keras yang telah dilakukan oleh kakitangan PTGS.

Program pada hari tersebut dimulai dengan ucapan kata-kata aluan oleh Pengerusi kelab PTGS semasa makan malam bersama. Majlis makan malam bersama warga PTGS dimeriahkan dengan dendangan beberapa buah lagu oleh Sufian Suhaimi yang merupakan artis jemputan pada malam itu.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi makan malam yang bertemakan SUPERHERO DINNER bersama seluruh keluarga PTGS dan dimeriahkan dengan pertunjukan 'Talent Time' oleh Warga PTGS. Pelbagai aksi dan bakat yang menarik telah dipersembahkan oleh warga PTGS dengan jayanya. Majlis turut digamitkan dengan pertunjukkan silap mata yang berjaya menarik perhatian dari setiap lapisan umur.

Cabutan bertuah merupakan acara kemuncak yang dinantikan oleh warga PTGS pada malam tersebut. Pelbagai hadiah menarik telah diberikan semasa cabutan bertuah.





SANJUNGAN BUDI, KILAUAN BAKTI

Pada 13 Oktober 2017 satu majlis perpisahan Encik Najmuddin Bin Jemain; Timbalan Pengarah (Pengurusan) telah diadakan di bilik Mesyuarat Gemilang 2. Untuk makluman beliau bertukar ke Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) sebagai Setiausaha MPKj. Berkuatkuasa pada 15 Oktober 2017.

PTGS mengucapkan selamat maju jaya dan jutaan terima kasih diatas khidmat bakti dan nasihat sepanjang bekerja di PTGS.

*Hati sayu merenung malam
Cengkerik dan unggas meneman diri
Bertemu berpisah lumrah alam
Pasti jadi suatu memori
Kalau ada sumur di ladang
Boleh kita menumpang mandi
Kalau ada umur yang panjang
Boleh kita berjumpa lagi*





Hari Bertemu Pelanggan PTGS

Pada tahun 2017 PTGS telah menyertai Hari Bertemu Pelanggan anjurkan Pejabat Daerah Klang pada 27 Oktober 2017, Program ini dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Misnol Zainal bin Mohd Nor. Sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai agensi merupakan inisiatif strategik dimana pelbagai agensi dikumpul di bawah satu bumbung untuk memberikan khidmat nasihat dan promosi perkhidmatan masing-masing.

Seterusnya PTGS turut terlibat dengan Hari Bertemu Pelanggan yang telah diadakan di Subang Parade





pada 7-8 oktober 2017 anjuran Pejabat SUK Negeri Selangor.

Hari Bertemu Pelanggan ini bertujuan memberikan perkhidmatan melalui interaksi dan perhubungan yang mesra kepada para pelanggan. Program seperti ini merupakan salah satu usaha untuk mendekati pelanggan bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan. Program ini juga turut memberi peluang pada pelanggan untuk mengetahui maklumat terkini mengenai perkhidmatan dan kemudahan



yang disediakan oleh PTG. Selain itu, maklum balas pelanggan turut dijadikan sebagai input untuk perancangan dan penilaian perkhidmatan PTGS.

Program ini adalah salah satu langkah bagi memupuk budaya mesra pelanggan kearah peningkatan imej PTGS. Pihak urus setia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga PTGS yang terlibat secara langsung mahupun tidak didalam merealisasikan program Hari Bertemu Pelanggan ini.





Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM)

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Dan Penggantian Tanah Rizab Melayu yang dipengerusikan oleh Tuan Yusri Bin Zakariah, Timbalan Pengarah (Pendaftaran) telah diadakan pada 18 Ogos 2017. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil daripada Pejabat Tanah Galian Selangor serta Pejabat Tanah dan Daerah seluruh Negeri Selangor.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Dan Penggantian TRM bertujuan untuk memantau secara keseluruhan aktiviti pengurusan data Tanah Rizab Melayu. Mesyuarat ini juga diadakan bagi mengemaskini data TRM termasuk pembatalan, penggantian dan mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan TRM. Pengemaskinian data TRM ini bukanlah hanya diperingkat Negeri sahaja tetapi ia juga dipantau diperingkat Persekutuan iaitu di bawah seliaan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Jawatankuasa yang memantau diperingkat Persekutuan adalah Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Data Tanah Rizab Melayu Semenanjung Malaysia (JPPDTRMSM) yang telah ditubuhkan pada 27 November 2015. Terma rujukan Jawatankuasa ini telah menetapkan agar Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan tidak kurang dari satu (1) kali setahun atau mengikut keperluan untuk memastikan data TRM adalah yang terkini dan lengkap merangkumi warta dan pelan warta.

Usaha PTGS di dalam membukukan data TRM di Negeri Selangor ini telah dijadikan contoh oleh pelbagai agensi kerajaan.

Di dalam mesyuarat ini, Pengerusi merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada

semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Buku TRM Negeri Selangor. Ucapan penghargaan turut dirakamkan kepada Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai DEGIS serta Penolong Pegawai Tanah di PTGS dan Pejabat Tanah Daerah yang telah terlibat secara langsung dalam menyediakan data dan maklumat TRM sehingga Buku TRM Negeri Selangor berjaya diterbitkan.





SAMBUTAN KEMERDEKAAN SELANGOR YANG KE-60 DIRAI DENGAN MERIAH

Shah Alam-31 Ogos 2017 : Majlis sambutan kemerdekaan ke-60 peringkat Negeri Selangor pada tahun 2017 disambut dengan meriah walaupun ramai warga Selangor pulang ke kampung sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Raya Aidiladha. Hampir 10000 warga Negeri Selangor menghadiri sambutan kemerdekaan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam yang bermula pada jam 8.00 malam hingga acara kemuncak di mana sebanyak 56 kontingen perbarisan yang mengambil Bahagian.

Lebih kurang 2200 peserta yang terdiri daripada Jabatan negeri termasuk Pejabat Tanah dan Galian Selangor, PBT, Badan berkanun, Pejabat Tanah dan Daerah, Syarikat berkaitan kerajaan dan bukan kerajaan, pasukan beruniform, kelab kereta mini klasik Selangor dan Komuniti Orang Asal telah menyertai perbarisan tersebut.

Tema sambutan pada kali ini adalah **Selangorku Sehati Sejiwa** telah diangkat sebagai tema pada edisi kali ini. Sambutan ini dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan Negeri Selangor oleh kumpulan koir SUK Negeri dan diikuti dengan kontingen perbarisan yang dimulakan oleh Brassband 11 Briged Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pada sambutan kali ini, turut dipersembahkan pelbagai aksi, lagak ngeri, kawad senyap, tarian kebudayaan dan nyanyian yang

disampaikan oleh artis jemputan dengan bertemakan lagu-lagu patriotik dan nasionalisme.

Pengarah PTGS, YBhg. Dato' Ahmad Suadi bin Abdul Rahim turut hadir pada sambutan ini untuk memberikan sokongan yang penuh kepada Kontingen perbarisan PTGS yang telah memberikan komitmen dan bersemangat di dalam perbarisan Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Tema perbarisan kontingen PTGS pada kali ini adalah bertemakan koboi dengan warna pakaian merah dan hitam. Tema ini dipilih selari dengan semangat koboi itu sendiri dimana PTGS sentiasa memberikan khidmat yang terbaik dan agresif di dalam memacu hasil pendapatan negeri.

Acara diakhiri dengan laungan merdeka oleh Dato' Menteri Besar Selangor, Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali. Syabas diucapkan kepada seluruh kontingen dan pihak urusetia yang terlibat dalam menjayakan sambutan kemerdekaan pada kali ini.

SYABAS !



Perjumpaan Pengarah PTGS Bersama Penghantar Notis



Pada 4 Oktober 2017 bertempat di Ballroom Dewan Jubli Perak SUK Selangor telah diadakan Perjumpaan Pengarah PTGS bersama Penghantar Notis PTGS dan Pejabat Tanah/Daerah Selangor.

Perjumpaan ini adalah inisiatif pengarah PTGS sendiri dimana beliau ingin mendapatkan input serta mendengar isu-isu, cabaran yang dihadapi oleh Penghantar Notis di Selangor.

Penghantar Notis bertanggungjawab menyampaikan surat atas dokumen undang-undang (saman, waran perintah, kaedah notis atau apa-apa juga proses mandatori sama ada sivil atau jenayah) kepada satu pihak lain secara serahan atau menampal di tempat awam serta menyediakan bukti penyampaian dokumen yang telah diserahkan.

Majlis ini telah dihadiri oleh lebih kurang 100 kakitangan dan telah berjaya mendapatkan pelbagai respon dan reaksi kakitangan dimana pelbagai isu telah dikongsi dan di selaraskan bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan.





PERHIMPUNAN BULANAN 3/2017 DAN AIDILFITRI PTGS 2017

Pada 13 Julai 2017 (Khamis), PTGS telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan, Majlis Persaraan dan pertukaran Kakitangan, beserta Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bertempat di Dewan Jubli Perak SUK Selangor. Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri turut diserikan lagi dengan kehadiran Menteri Besar Selangor, Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali dan barisan EXCO serta tetamu-tetamu yang terdiri daripada pejabat SUK dan agensi Kerajaan yang lain.

Persembahan dari setiap bahagian dipentaskan secara 'Live' dan meriah. Pelbagai gerai dan menu Hari Raya disediakan bahagian-bahagian didalam majlis ini.

Sekalung penghargaan dan fahniah kepada semua kakitangan PTGS yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menguruskan Majlis Sambutan Hari Raya PTGS Edisi 3/2017.





Sesi 60 Minit

Pengarah Bersama Warga Kerja PTGS 2.0



Pada 25 Ogos 2017 (Jumaat) yang lalu, PTGS telah mengadakan Sesi Santai 60 Minit Pengarah Bersama Warga Kerja PTGS buat kali ke-2 dalam tahun 2017.

Antara pengisian program adalah bacaan Yasin yang dipimpin oleh En. Hanafi Bin Sapuan dan sesi dialog antara Pengarah dan warga kerja PTGS.

Pada sesi kali ini, Pengarah telah memberikan nasihat dan menerangkan mengenai kedudukan ekonomi semasa bagi memberikan pemahaman kepada seluruh warga kerja.

Di samping itu, beliau turut memuji semangat kerjasama dan memohon agar suasana kerja yang Perkhidmatan yang terbaik haruslah harmoni dipelihara diteruskan dan dipertingkatkan. Kakitangan berasa gembira kerana pada sesi ini kakitangan dapat mengutarakan pandangan dan berinteraksi secara langsung dengan Pengarah PTGS.

Semoga program sebegini akan mengeratkan hubungan silaturrahim dan semangat kekitaan sesama warga kerja.





Lawatan Tapak **Sabak Bernam**



Lawatan kerja Pengarah Tanah dan Galian Selangor bersama Pentadbir Tanah Daerah Sabak Bernam di Rancangan Tanah Belia 2 Parit 17 Sungai Panjang, Sabak Bernam.

Tujuan lawatan ini adalah untuk meninjau kerja pengukuran tanah untuk penempatan pemilik-pemilik tanah ke atas rancangan tanah berkelompok.

Kerja-kerja pengukuran ini melibatkan Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam dengan kerjasama PTGS dan Felcra. Felcra merupakan penyelenggara tanah melalui pemuliharaan dan pengusahaan penanaman kelapa sawit.





Kawad Hormat Penguatkuasa

Shah Alam: seramai 55 orang pembantu penguatkuasa dari PTGS dan seluruh PTD di negeri Selangor telah berhimpun bagi memberikan kawad kawalan kehormatan bagi memberi hormat kepada yang berbahagia YBhg. Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim yang telah menerima Anugerah Darjat Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) yang membawa gelaran Dato'. Sewaktu Majlis Ulangtahn Hari Keputeraan ke-72, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj. Majlis turut dihadiri oleh kedua-dua Timbalan Pengarah PTGS dan Penolong Pegawai Daerah dari Bahagian Penguatkuasaan disemua Pejabat Daerah Tanah di Negeri Selangor.



OPS BERSEPADU

Pelanggaran undang-undang yang tidak dikawal boleh mengakibatkan kehilangan hasil dan menjejaskan kredibiliti Kerajaan Negeri dalam menguatkuasakan undang-undang yang telah digubal. Justeru, semua pegawai yang terlibat di dalam menguatkuasaan di Pentadbiran Tanah berperanan dan bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang Kanun Tanah Negara 1965.

Sepanjang tahun 2017, PTGS, Pejabat Daerah dan Tanah telah melaksanakan operasi bersepadu bersama beberapa agensi Kerajaan seperti PDRM, PBT, TNB dan Pengurusan Air Selangor (SYABAS) di bawah Seksyen 425 KTN iaitu Pendudukan secara tak sah dan lain-lain di tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan dan Seksyen 426 –Pengeluran atau pengalihan bahan batuan secara tidak sah. Berikut adalah antara operasi bersepadu yang dijalankan oleh pasukan Penguatkuasaan.



**OPERASI BESEPADU BESAMA PEJABAT DAERAH
SEPANG MEROBOKH STRUKTUR BINAAN ATAS TANAH
KERAJAAN DI KAMPUNG SERI TANJUNG DAERAH
SEPANG**



**"OPERASI ROBOH BERSEPADU" BERSAMA
PTD PETALING DI ATAS TANAH KERAJAAN
DI SEPANJANG JAJARAN LEBUHRAYA
DAMANSARA SHAH ALAM(DASH)**





OPERASI BERSEPADU BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM) BAGI TUJUAN PEMANTAUAN BAHAN BATUAN (PASIR LAUT)



OPERASI BERSEPADU PEROBOKAN BERSAMA PIHAK PTD PETALING MELIBATKAN BINAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN (KABIN/PONDOK KOMUNITI MASYARAKAT) DI KG. CHEMAKA, PETALING JAYA



OPERASI BERSEPADU BERSAMA PIHAK PTD GOMBAK BAGI MENJALANKAN PEROBOKAN STRUKTUR BANGUNAN ATAS TANAH KERAJAAN DI SEPANJANG SELEKOH KG. PASIR (LEBUHRAYA EKVE)




Bengkel Dasar Pembangunan Berorientasikan Transit *Transit Oriented Development (TOD)*

Satu Bengkel Dasar Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) Di Peringkat Pentadbiran Negeri Selangor telah diadakan selama tiga (3) hari pada 14 hingga 16 Ogos 2017 dengan penglibatan pegawai-pegawai PTGS dan sembilan (9) buah Pejabat Tanah dan Daerah Negeri.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membincangkan isu pembangunan baharu yang sedang berkembang pesat di Malaysia dengan konsep pembangunan rel serta ditambah baik dengan kemudahan pembangunan lain seperti hub komuniti iaitu kediaman, *Small Office Home Office (SOHO)*, *Small Office Virtual Office (SOVO)* dan elemen lain seperti komersil dan rekreasi.

Bengkel ini merupakan satu platform bagi mewujudkan satu dasar khas dimana ia membincangkan isu-isu berkaitan permohonan pembangunan bercampur seperti Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) terutamanya keperluan untuk mewujudkan kategori dan syarat nyata tanah yang baharu di Negeri Selangor dan permohonan hakmilik strata bagi pembangunan tersebut.

Dasar ini amat perlu bagi menyelesaikan permohonan-permohonan pembangunan berkaitan yang sedia ada di Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah Daerah yang akan diguna pakai selepas ini sebagai persediaan untuk menghadapi pembangunan masa hadapan yang lebih moden dan lestari.






Bengkel Perbincangan dan Pindaan Kaedah Tanah Selangor

Pada 6 hingga 8 September 2017 satu Bengkel Perbincangan dan Pindaan Kaedah Tanah Selangor dengan penglibatan pegawai-pegawai PTGS dan sembilan (9) buah Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Selangor. Cadangan Pindaan Kaedah Tanah Selangor (KTS) telah diadakan kerana pindaan terakhir bagi Kaedah Tanah Selangor adalah pada tahun 2003 dan pelaksanaan bengkel ini adalah untuk menyemak semula kadar dan kaedah tanah yang baharu seiring dengan perubahan pembangunan semasa yang semakin pesat dengan kewujudan jenis-jenis pembangunan baharu.

Matlamat utama pelaksanaan bengkel ini diadakan adalah untuk menyemak dan meminda KTS agar dapat diselaraskan dengan perkembangan dan arahan-arahan semasa. Penglibatan seramai 58 orang pegawai dan kakitangan PTGS serta daerah membincangkan topik yang meliputi kesemua kaedah-kaedah yang terkandung di dalam KTS seperti pembangunan bercampur dan penambahbaikan prosedur permohonan tanah sedia ada seperti pajakan, pelanjutan tempoh pajakan, pelupusan secara tender dan sebagainya.





Lawatan Jabatan Tanah & Survei Sarawak

Pada 9 Ogos 2017, PTGS telah menerima lawatan kerja dari delegasi Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Sesi perbincangan lawatan tersebut telah diadakan di Bilik Gerakan MTES, Bangunan SUK Selangor.

Objektif lawatan tersebut adalah untuk berkongsi maklumat mengenai pembermilikan dan pembangunan tanah-tanah perladangan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Pada masa yang sama turut dibentangkan perbandingan Premium dan Cukai Tanah yang dikenakan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Selain itu, Negeri Sarawak juga telah didedahkan mengenai undang-undang yang digunapakai di Semenanjung Malaysia dan Sarawak berkaitan tanah perladangan.

Sesi perbincangan dua hala yang aktif itu telah berlangsung selama lebih kurang 3 jam diakhiri dengan sesi bertukar cenderahati dan sesi bergambar sebagai tanda kenangan.





Majlis Penutupan SUKAN PETANDA

Sukan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)/ Tanah Negeri Selangor (PETANDA) ke-11 tahun 2017 telah diadakan sepanjang Januari hingga November 2017. Sukan PETANDA ini merupakan salah satu kejohanan sukan dwi tahunan dimana pada tahun 2017 ini Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah menjadi penganjur bagi sukan PETANDA kali ini. Sukan ini bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri dan menguji ketahanan fizikal dan mental peserta selain memupuk sifat kerjasama dalam berpasukan. Program ini juga memberi peluang kepada setiap peserta untuk merancang strategi kemenangan. Selain itu, warga kerja yang aktif berpeluang dan berpotensi untuk ke kejohanan sukan Majlis Kebajikan Dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) negeri Selangor dan sukan antara SUK Malaysia.

Sebanyak 10 kategori telah dipertandingkan dan dihoskan oleh setiap PTD seperti berikut;

- Ping pong
- Dart
- Badminton
- Karom
- Bolasepak
- Bowling
- Sepaktakraw
- Bola jaring
- Bola tampar
- Futsal





Acara kemuncak sukan PETANDA adalah pada 24 November 2017 dimana satu Majlis penutup Sukan PETANDA telah diadakan di Dewan Jubli Perak dan dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; Y. B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahyia dan turut dihadiri oleh Pengarah PTGS serta tetamu-tetamu yang lain. Juara keseluruhan sukan PETANDA 2017 diungguli oleh PDT Kuala Langat. Setiap kategori sukan yang dimenangi telah menerima piala pusingan sebagai tanda kemenangan.

Sekalung tahniah dan syabas kepada semua pemenang bagi Sukan Petanda edisi kali ini. Sukan PETANDA seterusnya akan dihoskan oleh Pejabat Tanah/Daerah Kuala Langat pada tahun 2019.

Jutaan tahniah dan syabas kepada semua Pejabat Tanah/Daerah dan PTGS yang terlibat sepanjang Sukan Petanda ini diadakan. Semoga temasya kali ini dapat mengeratkan hubungan antara sesama PTD dan PTGS.





Kejohanan Sukan Pengarah Tanah dan Galian Se-Malaysia (SUKAP) Kali Pertama Tahun 2017

Perak; Pada 1 hingga 5 Disember 2017, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Negeri Perak telah menganjurkan Kejohanan Sukan Pengarah Tanah dan Galian Se-Malaysia (SUKAP) Kali Pertama Tahun 2017 bertempat di Daerah Muallim dan Ipoh, Perak. Majlis Perasmian SUKAP telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Kontigen PTGS yang terdiri daripada gabungan atlet Pejabat Tanah/Daerah Negeri Selangor dan warga kerja PTGS sendiri menjadi JUARA KESELURUHAN SUKAP bagi edisi 2017.

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah telah disampaikan oleh Y.B. Datuk Shahrul Zaman bin Yahya; Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia dan Sukan Negeri Perak turut dihadiri oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor.

Syabas ! kepada semua atlet dan warga yang telah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi. Terima kasih juga kepada pihak PTG Perak kerana memberikan layanan yang baik kepada semua Kontigen PTGS. Jumpa lagi di SUKAP yang akan datang.





JUARA KESELURUHAN SUKAP 2017

Kelahiran

BULETIN PELAYAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
PERKAHWINAN DAN KELAHIRAN

Kelahiran

Bahagian Khidmat Pengurusan



Nama Pegawai: Jurina Binti Adnan
Nama Pasangan: Isman Bin Sujak
Nama Bayi: Iman Bin Isman
Tarikh Lahir: 7 Oktober 2017

Bahagian Pendaftaran Hakmilik

Nama Pegawai: Murni Azura Binti Abd Munir
Nama Pasangan: Asrul Sany Bin Adam Sukarno
Nama Bayi: Damia Balqis Binti Asrul Sany
Tarikh Lahir: 9 November 2017



Nama Pegawai: Siti Muzarinah Binti Sungit
Nama Pasangan: Mohd Hisham Bin Othman
Nama Bayi: Niliyyah Haneen Binti Mohd Hisham
Tarikh Lahir: 27 November 2017



Bahagian Perundangan

Bahagian Teknologi Maklumat



Nama Pegawai: Zarina Binti Mohd Yusof
Nama Pasangan: Zuhair
Nama Bayi: Zakir Zafri Bin Zuhair
Tarikh Lahir: 27 September 2017



Nama Pegawai: Noor Faezah Binti Jasni
Nama Pasangan: Muhammad Aidil Syafiq Bin Kharul Umar
Nama Bayi: Auni Kayyisa Binti Muhammad Aidil Syafiq
Tarikh Lahir: 23 November 2017

It's a girl

Nama Pegawai: Hairull Annuar Bin Abd Latib
Nama Bayi: Nur Huda Aqilah Binti Hairull Annuar
Tarikh Lahir: 9 September 2017

Perkahwinan

Bahagian Perundangan

Nama Pegawai: Nurhamimah Binti Amrah
Nama Pasangan: Amirul Asyraf Bin Abdul Rasid
Tarikh Perkahwinan: 23 Disember 2017



**SEMAKAN DAN BAYAR CUKAI TANAH
ANDA SEBELUM 31 MEI SETIAP TAHUN
UNTUK MENGELAKKAN FI TUNGGAKAN**

**Anda Memiliki Rumah? Kedai? Hartanah Di
Negeri Selangor? Ada Cukai Tanah Yang Perlu
Anda Jelaskan?**



**Pembayaran secara perbankan internet Hendaklah dibayar atas nama / 'payee'
Pejabat Pengarah Tanah & Galian Selangor ATAU Pejabat Tanah & Galian
Selangor**



AmBank Group



**Pembayaran melalui kaunter di seluruh
Negeri Selangor seperti:**

Pejabat Daerah / Tanah
Pihak Berkuasa Tempatan
Pejabat Tanah & Galian Selangor
Pejabat Pos Malaysia Di Negeri Selangor
& Wilayah Persekutuan



**Semakan boleh dilakukan di
Pejabat Daerah / Tanah yang
berdekatan atau menerusi mySMS
15888**

LANGKAH-LANGKAH

LANGKAH

1

Taipkan:
PTGS CUKAI (No. Akaun)
dan hantar SMS ke 15888

LANGKAH

2

Contoh Paparan:
PTGS CUKAI
010114454400555445666

LANGKAH

3

Contoh mesej penerima:
PTGS Cukai Tanah bagi akaun
010114454400555445666 untuk tahun
2017 yang perlu dijelaskan adalah
RM150.00

